

Wakil rakyat diingat ikhlas laksana tugas

Abdullah mahu pemimpin politik ketepi kepentingan peribadi

Oleh Fazli Abdullah

GEORETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua wakil rakyat supaya sentiasa berkhidmat dengan ikhlas dan bukannya untuk kepentingan peribadi masing-masing.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu wakil rakyat sentiasa ingat dan menjalankan amanah dengan rasa keinsafan serta berpegang kepada janji kepada rakyat iaitu berbakti dengan penuh komitmen.

"Kita hendaklah sentiasa ingat bahawa, tugas kita adalah untuk berbakti kepada rakyat, bukannya un-

tuk kepentingan diri semata-mata.

"Bidang politik yang kita pilih ini adalah amanah Tuhan kepada kita," katanya pada majlis jamuan makan malam anjuran Kerajaan Pulau Pinang sempena Perhimpunan Tahunan Isteri Wakil Rakyat SeMalaysia (PTIWRM) 2006 di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan timbalannya. Datuk Seri Najib Razak, Hadir sama Pemangku Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri mengakui tugas seorang wakil rakyat amat berat kerana ada kalanya mereka dipuji dan

juga dimarahi serta dicaci.

"Itulah cabarannya dan penting dalam segala apa juga yang kita lakukan, kita perlu sentiasa berpegang kepada keikhlasan hati kita," katanya.

Abdullah berkata, wakil rakyat tidak dapat lari daripada masalah dan bebanan tetapi ia boleh dikurangkan serta diatasi dengan mehdapat sokongan isteri.

Justeru, beliau meminta isteri wakil rakyat memahami tugas suami masing-masing dengan memberi bantuan serta sokongan.

Pada masa sama, beliau mengakui peranan isteri wakil rakyat amat berat kerana selain menjaga keluarga,

mereka juga mempunyai suami yang memegang amanah rakyat.

"Oleh kerana suami saudari semua adalah wakil rakyat, tanggungan pastinya lebih berat ke atas saudari kerana mereka mempunyai amat sedikit masa untuk diluangkan bersama keluarga," katanya.

Perdana Menteri berharap isteri wakil rakyat terus tabah menghadapi dugaan dan rintangan kerana ia adalah sebahagian daripada asam garam kehidupan dalam dunia politik.

Lebih penting lagi, katanya, sokongan isteri wakil rakyat adalah sesuatu yang amat diharapkan suami dalam menghadapi tugas seharian.